

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]**

TARIKH : 24.5.2016

SOALAN :

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah cara dan pendekatan yang dilakukan pihak Kementerian bagi menyelaraskan sistem pendidikan pra-sekolah di antara Tadika KEMAS, Tabika PERPADUAN dan pusat asuhan Taska PERMATA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan peruntukan Akta Pendidikan 1996, iaitu Seksyen 22 (1), Menteri hendaklah menetapkan suatu kurikulum, yang dikenali sebagai Kurikulum Prasekolah Kebangsaan yang hendaklah digunakan oleh semua tadika dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Berdasarkan peruntukan akta tersebut, semua tadika kerajaan dan swasta hendaklah mengguna pakai Kurikulum Prasekolah Kebangsaan iaitu Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Bagi memastikan pelaksanaan KSPK difahami dan dilaksanakan dengan berkesan di semua peringkat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengadakan kursus penyebaran KSPK kepada semua prasekolah kerajaan dan swasta.

Penggunaan KSPK terhad di prasekolah atau tadika yang menyediakan pendidikan untuk kanak-kanak kumpulan umur 4 – 6 tahun sahaja. Untuk itu, sebuah Jawatankuasa Penyelarasan Prasekolah Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia turut dianggotai oleh semua agensi pelaksana pendidikan prasekolah awam dan swasta telah ditubuhkan. Jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk melaksanakan penyelarasan termasuk dalam aspek kurikulum, bantuan kepada murid prasekolah, kelayakan guru prasekolah dan lain-lain inisiatif untuk meningkatkan kualiti pendidikan prasekolah termasuk pelaksanaan Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pusat Asuhan Taska PERMATA adalah untuk kanak-kanak berumur 0 – 4 tahun yang menggunakan kurikulum Anak PERMATA Negara.

RJM54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK BUNG MOKTAR
BIN RADIN [KINABATANGAN]**

TARIKH : 24 MEI 2016

SOALAN :

YB Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilakah Kerajaan Persekutuan dijangka menyerahkan sepenuhnya kuasa autonomi daripada segi pentadbiran, perjawatan, perancangan serta pelaksanaan program-program pembangunan kepada Kerajaan Negeri Sabah.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan akan melaksanakan pemberian *empowerment* secara pentadbiran kepada Kerajaan Negeri Sabah yang merangkumi fungsi-fungsi operasi dan pentadbiran am yang berlandaskan kepada ketetapan-ketetapan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang negara.

Dalam hal ini, pemberian *empowerment* secara pentadbiran akan memerlukan proses kajian yang terperinci. Kerajaan telah menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa bersama bagi mengkaji perkara-perkara yang boleh diberi *empowerment* secara pentadbiran kepada Kerajaan Negeri Sabah termasuk yang berkaitan dengan pengurusan program-program pembangunan. Tempoh masa bagi pelaksanaan pemberian *empowerment* secara pentadbiran ini adalah tertakluk kepada perjalanan kajian yang akan dilaksanakan kelak.

Sekian, terima kasih.